

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HZZ 302 Tajuk-Tajuk Terpilih Dalam Muzik

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab LIMA [5] soalan. KEDUA-DUA [2] soalan daripada Bahagian A WAJIB dijawab dan TIGA [3] soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A - KEDUA-DUA [2] soalan WAJIB dijawab

1. Berikan definisi kepada istilah-istilah berikut:

- [a] 'Neuro Linguistic Programming (NLP)'
- [b] Perlaziman Klasik
- [c] 'Pedagogi'
- [d] Pendidikan Bukan Formal
- [e] Hukum Kesan (Law of Effect)

[10 markah]

2. Berikan jawapan yang ringkas dan padat kepada semua soalan-soalan berikut:

- [a] Apakah yang anda faham mengenai konsep Apollonian dan Dionysian? Pada pendapat anda bagaimanakah konsep ini boleh membantu seorang guru dalam pengajarannya?
- [b] Lukiskan rajah "keperluan" Maslow dan terangkan perhubungan setiap peringkat dengan psikologi pendidikan.

.../2

- [c] Apakah perbezaan di antara pertumbuhan dan perkembangan?
- [d] Lukiskan Lingkaran Motivasi dan beri contoh-contoh situasi yang sesuai untuk menyokong jawapan anda.
- [e] Bezakan di antara motivasi ekstrinsik dan intrinsik. Beri contoh-contoh di mana ia sesuai digunakan.

[30 markah]

BAHAGIAN B - Jawab TIGA [3] soalan

3. Bentang dan bezakan teori pembelajaran Behaviorisme dan Kognitif (Gestalt) secara terperinci. Nyatakan sumbangan tokoh-tokoh terkenal untuk kedua-dua mazhab ini. (Format ringkasan tidak dibenarkan).

[20 markah]

4. Bincangkan mengenai falsafah Pestalozzi untuk Pendidikan Muzik. Berikan ringkasan prinsip-prinsip beliau dan juga terangkan bagaimana para pendidik muzik di Amerika Syarikat telah dipengaruhi olehnya.

[20 markah]

5. Bagaimanakah guru berperanan mengurangkan masalah gangguan tingkahlaku? Bincangkan strategi-strategi yang boleh diambil berhubungan dengan pengajaran dan pembelajaran.

[20 markah]

6. Bincangkan dengan terperinci tiga [3] daripada kaedah-kaedah muzik semasa yang utama berikut:

- [a] Dalcroze
- [b] Orff
- [c] Suzuki
- [d] Kodaly

[20 markah]

-ooo000ooo-